

Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan Faktor Sejarah Perundangan Tanah Melayu

Haji Hairuddin Megat Latif*

Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: hairuddin@uum.edu.my

ABSTRAK

Kehadiran Islam di Tanah Melayu bukan satu peristiwa yang mengambil masa yang pendek dan singkat. Ia adalah satu rekod sejarah yang amat panjang yang hampir mengambil masa kira-kira enam ratus tahun. Penerimaan orang Melayu terhadap Islam dizahirkan dengan mereka menjadikan undang-undang Islam sebagai Undang-undang negeri seperti mana Melaka sebelum diceroboh oleh Portugis, Negeri Perak, Negeri Pahang, Negeri Johor dan Negeri Kedah sebelum dijajah oleh penjajah Inggeris. Kita sudah mendengar berulang kali tentang wujudnya Hukum Kanun Melaka, Undang-undang 99 Negeri Perak, Undang-undang Dua Belas Perak, Undang-undang Pahang, Al-Ahkam Alahdaliyyat dan Tembera Datuk Paduka Tuan. Semua undang-undang ini berdasarkan hukum syara' beserta adat Melayu. Artikel ini menunjukkan kita mesti menolak hujah Hooker yang mengatakan "Undang-undang yang terpakai pada orang Islam ialah 'undang-undang diri' iaitu dipakai atas dasar kepatuhan pada agama dan dalam hal-hal yang mempunyai aspek keagamaan." Artikel ini juga membuktikan keputusan Suruhanjaya Reid memberi tempat dan status khusus kepada Islam adalah wajar dan tepat. Malahan penulis berpendapat Suruhanjaya Reid sepatutnya memasukkan satu perkara dalam Perlembagaan Persekutuan yang menegaskan undang-undang Islam sebagai undang-undang tertinggi di Persekutuan dan semua undang-undang yang berlawanan dengannya adalah terbatal.

Katakunci: *Hukum Kanun, penjajahan Inggeris, Suruhanjaya Reid, Perlembagaan Persekutuan*

Islamic Law in Malaysian Constitution: Its Appropriateness based on Historical Factor of Tanah Melayu Legislation

ABSTRACT

The presence of Islam in Tanah Melayu was not an event that struck in a short and brief period. It represented a very long historical record that took almost six hundred years. The acceptance of Islam among the Malays was realized by the adoption of Islamic legislation as the state legislation such as that of Melaka before its destruction by the Portuguese, State of Perak, State of Pahang, State of Johor, and State of Kedah prior to the British colonization. We might have often heard of the existence of Code of Law in Malacca, Law 99 of the State of Perak, Law 12 of the State of Perak, Law of Pahang, Al-Ahkam Alahdaliyyat and Tembera Datuk Paduka Tuan. All of these laws were based on syara' law and Malay traditions. This article showed that we must oppose Hooke's argument that said "laws used by the Muslims was a "self-law", that is, the law that was used on the basis of obedience to religion and matters that have religious aspects." This article also proved that the decision of Reid Commission that provided special place and status to the Muslims were appropriate and accurate. In fact, the author is of the opinion that the Reid Commission should have included another clause in the Federal Constitution which pronounced Islamic Law as the highest law in the Federal Constitution and that all other laws which contradicted with the Islamic law are considered as null and void.

Keywords: *Code of Law, British colonization, Reid Commission, Federal Constitution*

PENGENALAN

Mutakhir ini banyak isu-isu mengenai Islam ditimbulkan oleh pihak tertentu. Pada awal tahun 2005 ada pihak yang mencadangkan agar ditubuhkan Suruhanjaya antara Agama(IRC) yang mana agama Islam juga dimasukkan dibawah bidangnya. Draf penubuhan IRC dirangka oleh Majlis Peguam Malaysia, Yayasan Konrad-Adenaur dan Majlis Perundingan Malaysia bagi Ajaran Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh(MCCBCCCH).¹ Cadangan ini mendapat bantahan dari pihak-pihak beragama Islam. Diantara yang membantah cadangan ini ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dimana menurut beliau:

“Saya tak bersetuju. Sebagai menteri saya menentang kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan di mana Islam menjadi agama rasmi. Jika mereka(Majlis Peguam) mahukan wujudkan suruhanjaya antara agama lain itu terserah, tapi jika mahu babitkan Islam...kita tidak boleh terima.”²

Manakala Y.A.B Timbalan Perdana Menteri memberi respons seperti berikut:

“Apa yang berkaitan dengan agama Islam adalah sensitif. Sebab itu kita harap semua pihak mengambil kira hakikat ini dan sebarang cadangan mengenainya mestilah mengambil kira kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Kita juga perlu sedar wujud pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran agama Islam dalam negara kita. Sebab itulah sebarang perkara membabitkan agama Islam tidak perlu diperbesar-besarkan dengan mengambil kira kedudukannya sebagai agama rasmi dan sensitiviti umat Islam”³

Seterusnya cadangan penubuhan IRC ditentang keras oleh Majlis Mufti-mufti Malaysia dengan alasan ia tidak memberi faedah kepada umat Islam, bahkan merugikan mereka.⁴ Menurut Mufti Negeri Perak, “Islam hanya boleh dibincangkan oleh orang Islam dan orang bukan Islam tidak berhak untuk membincangkan perkara berkaitan hukum atau hal ehwal agama Islam.”⁵ Beliau seterusnya menyatakan “Kami berpendirian keras bahawa kami menolak penubuhan IRC”⁶

Pada 14 Mac 2005 pula umat Islam dikejutkan pula dengan sarung sosej yang dibuat dari usus babi. Ini berkaitan dengan penyalahgunaan logo tanda halal peniaga-peniaga bukan Islam.⁷ “Dalam konteks isu penggunaan usus babi sebagai sarung sosej dan penyalahgunaan tanda halal yang menimbulkan kemarahan umat Islam di negara ini...”⁸ Dalam ruangan Forum Utusan Malaysia seorang penulis menyatakan kejengkelannya “Pada 14 Mac 2005, masyarakat Islam di Malaysia khususnya yang prihatin tentang halal dan haram dikejutkan sekali lagi dengan isu yang sangat sensitif iaitu dua kilang pengeluar sosej menggunakan usus babi diserbu.”⁹ Manakala seorang lagi penulis meluahkan kemarahannya dengan menyatakan “MEMANG saya antara umat Islam yang berasa begitu terhina dan teraniaya oleh kerana

¹ Dr. Rais minta semua bersikap terbuka(Berita Harian, 25 Februari 2005).

² Suruhanjaya Antara Agama bercanggah dengan agama(Berita Harian, 25 Februari 2005).

³ Sensitiviti umat Islam mesti dijaga: TPM(Berita Harian, 26 Februari 2005).

⁴ Majlis Mufti tolak IRC(Berita Harian, 1 April 2005).

⁵ *Ibid.*, hlm. 3.

⁶ *Ibid.*, hlm. 3.

⁷ 1,600 pantau logo halal. (18 Mac 2005) *Berita Harian*, hlm. 1.

⁸ Tugas penguatkuasa kembalikan keyakinan pengguna. (19 Mac 2005) *Utusan Malaysia*, hlm. 6.

⁹ Produk halal: Prihatin sensitiviti umat Islam. (18 Mac 2005) *Utusan Malaysia*. hlm. 10.

perbuatan segelintir masyarakat yang saya anggap ‘melampau’.¹⁰ Isu sarung sosej dibuat dari usus babi ini mengisi banyak ruang-ruang akhbar untuk beberapa hari.¹¹

Kemudiannya timbul pula suara-suara yang mencadangkan agar pelajaran agama Islam tidak diajar disekolah-sekolah kebangsaan. Alasannya, ini mungkin menggalakkan pelajar bukan Melayu berminat memasuki sekolah-sekolah kebangsaan.¹² “Pada 1 Mei 2005 Presiden Gerakan Datuk Seri Lim Keng Yaik yang juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dilaporkan mencadangkan perkara berkaitan agama dipisahkan daripada SK (Sekolah kebangsaan) untuk menarik lebih ramai ibu bapa mendaftar anak masing-masing di sekolah itu.”¹³ Dr. Lim juga dilaporkan “berkata, perkara berkaitan agama perlu dilakukan di rumah atau di tempat ibadat.”¹⁴ Sungguhpun dilaporkan Dr. Lim tidak menentang Pendidikan Islam di SK, tetapi isu itu timbul berikutan perkataan yang digunakan memberi gambaran pendidikan agama hanya boleh dilakukan di rumah bukan di sekolah.¹⁵

Baru-baru ini terdapat pula kumpulan yang meminta supaya artikel 11 Perlembagaan disemak semula atau dipinda atau dibuang terus dari Perlembagaan. Kumpulan ini menggelarkan diri mereka sebagai Inter-faith Commission (IFC). Cadangan ini di sambut dengan bantahan dari Persatuan Peguam Syarie dan pertubuhan bukan kerajaan orang Islam (NGO).

Persoalan yang boleh ditimbulkan dari kontroversi-kontroversi di atas ialah apakah sebab-sebab yang mendorong pihak berkenaan menimbulkan isu-isu berkaitan agama Islam sama ada dengan sengaja atau tanpa sedar? Adakah mereka merasakan Islam tidak patut diberi tempat dan status dalam sistem bernegara di Malaysia? Atau adakah mereka tidak mengetahui tentang kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia? Atau mungkinkah mereka menyedari tentang kedudukan istimewa agama Islam disisi Perlembagaan jika dibandingkan dengan agama lain dan mereka berhasrat mengurangkan atau menghapuskan terus kedudukan istimewa ini!. Barangkali mereka memang mengetahui tentang status agama Islam ini disisi Perlembagaan Persekutuan tetapi mereka merasakan keputusan penggubal Perlembagaan Persekutuan memberi status istimewa ini adalah tidak wajar atau tidak tepat. Sekiranya persoalan terakhir adalah berkaitan, maka persoalan seterusnya wajarkah kita mempersoalkan kembali keputusan Jawatankuasa Reid mengenai status yang diberikan kepada agama Islam dalam Perlembagaan? Ini adalah antara persoalan-persoalan yang boleh ditanya mengenai isu-isu berkaitan agama Islam di Malaysia. Bagi tujuan makalah ini, penulis akan menyorot kembali sejarah kedatangan serta kedudukan agama dan undang-undang Islam di Tanah Melayu sebelum dan selepas merdeka untuk membuktikan tentang kewajaran dan tepatnya keputusan Lord Reid dan jawatankuasa yang diketuainya.

ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Sekiranya kita mengkaji Perlembagaan Persekutuan secara sepintas lalu sahaja kita pasti akan menemui beberapa peruntukan yang menyentuh dan menyebut tentang agama Islam. Berikut adalah peruntukan-peruntukan yang berkaitan yang disalin secara penuh oleh penulis bagi memudahkan para pembaca.

¹⁰ Produk halal: Prihatin sensitiviti umat Islam. (18 Mac 2005) *Utusan Malaysia*, hlm. 10.

¹¹ Lihat Berita Harian, 18 Mac 2005, hlm. 1, 7 dan 11; Utusan Malaysia, 18 Mac 2005, hlm. 1, 6, 10, 11; Utusan Malaysia, 19 Mac 2005, hlm. 5 dan 6; Berita Harian, 23 Mac 2005, hlm. 12.

¹² Syor sekolah kebangsaan dipisahkan daripada unsur agama: PM mahu tanya Keng Yaik. (4 Mei 2005) *Utusan Malaysia*, hlm. 1.

¹³ Pak Lah puas hati penjelasan Dr. Lim. (9 Mei 2005) *Berita Harian*, hlm. 2.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 2.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 2.

Perkara 3. Agama bagi Persekutuan

Perkara 3(1) Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Perkara 3(2) Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai ketua agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh MajlisRaja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

Perkara 3(3) Perlembagaan-perlembagaan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang diPertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam dalam Negeri itu.

Perkara 3(5) Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam dalam Wilayah-Wilayah PersekutuanKuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal-ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam.

Perkara 11. Kebebasan agama

Perkara 11(1) Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkan agamanya.

Perkara 11(4) Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam.

Perkara 12. Hak-hak berkenaan pelajaran

Perkara 12(2) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan dan menyenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidak boleh ada pembezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukana apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.

Perkara 73. Had-had undang Persekutuan dan Negeri.

Perkara 73(b) Pada menjalankan kuasa-kuasa perundangan yang diberi kepadanya oleh perlembagaan ini, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian negeri itu.

Perkara 74. Hal perkara bagi undang-undang persekutuan dan Negeri

Perkara 74(2) Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh

membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual kesembilan) atau senarai bersama.

Senarai 2 (Senarai Negeri) yang berkaitan dengan agama Islam ialah fasal 1.

Fasal 1 Senarai Negeri memperuntukkan:

Kecuali mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah dan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu: zakat fitrah dan baitul mal atau hasil agama Islam dan seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan, keanggotaan, penyusunan dan acara bagi Mahkamah-Mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa keatas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat Melayu.

Perkara 121. Kuasa kehakiman bagi Persekutuan

Perkara 121(1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidang kuasa dan tarafnya, iaitu:-

- (a) satu di Negeri-negeri Tanah Melayu yang dinamakan Mahkamah Tinggi Malaya dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur; dan
- (b) satu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, yang dinamakan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai ibu pejabatnya pendaftarannya di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang diPertuan Agong;

dan mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan; dan Mahkamah-mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

Perkara 121(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam fasal satu tidaklah boleh mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Demikianlah diperturunkan peruntukan-peruntukan perlembagaan Persekutuan yang dengan jelasnya menyebut agama Islam.

KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi persekutuan. Peruntukan ini juga menyatakan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-

mana bahagian persekutuan. Sungguhpun begitu penyebaran agama lain dikalangan orang Islam adalah dilarang.

Menurut Hashim Yeop A. Sani perkara 3 ini tidak mempunyai kesan undang-undang dan niatnya barangkali mengenakan syarat keatas upacara negara dijalankan menurut ibadat orang-orang Islam.' Ini hanyalah boleh membawa maksud bahawa untuk tujuan luaran, Malaysia bolehlah mengatakan atau mengisytiharkan dirinya sebagai sebuah negara orang Islam walaupun tidak semua undang-undang di Malaysia berdasarkan ajaran-ajaran Islam.¹⁶ Kenyataan seperti di atas juga disebut oleh Harding seperti berikut:

“...walaupun Islam sebagai agama Persekutuan, Malaysia bukanlah sebuah Negara Islam.”¹⁷

Walaupun kenyataan di atas menunjukkan bahawa Malaysia belum boleh lagi dikatakan sebagai Negara Islam namun peruntukan khas ini digubal bagi menjamin kesinambungan sosiopolitik dan menjaga kepentingan setiap pihak yang terlibat supaya membolehkan terbentuknya sebuah Negara merdeka yang utuh.¹⁸

Sungguhpun kedudukan Islam adalah sedemikian tetapi setidak-tidaknya penderaf-penderaf Perlembagaan Persekutuan telahpun mengambil kira kedudukan dan martabat Islam itu dari segi sejarahnya di Tanah Melayu. Islam yang mana apabila diterima dan dianuti oleh Raja-raja Melayu telah diletakkan pada tempat yang tinggi dijadikan sumber undang-undang di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah barat selain dari berdasarkan adat. Dalam dunia moden ini adanya pernyataan tentang status Islam itu dalam Perlembagaan adalah merupakan satu pengiktirafan yang amat besar apatah lagi bila Perlembagaan itu sendiri adalah merupakan asas kepada pemerintahan sebuah negara moden. Perhatikan petikan penghakiman dalam kes *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors. lwn. Fatimah bte Sihi & Ors*¹⁹ yang berikut:

“Pada pendapat saya ‘Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai’ bermakna Islam adalah agama utama di antara agama-agama lain yang dianuti di negara ini seperti Kristian, Buddha, Hindu dan selainnya. Islam bukan duduk berganding bahu atau berdiri sama tegak.. Ia duduk di atas, ia berjalan dahulu, terletak ditempat medan dan suaranya lantang kedengaran. Islam ibarat pokok jati-tinggi, teguh dan terampil. Jika bukan sedemikian Islam bukanlah agama bagi Persekutuan tetapi adalah salah satu di antara beberapa agama yang dianuti di negara ini dan setiap orang sama-sama bebas mengamalkan mana-mana agama yang dianutinya, tiada lebih satu dan yang lain.”

Oleh kerana Islam diterima sebagai agama Persekutuan, maka kerajaan Negeri dan Persekutuan ada kebebasan, kuasa dan keistimewaan mengujudkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau

¹⁶ Hashim Yeop A. Sani, 1980. *Our Constitution*. Kuala Lumpur: The Law Publishers (M) Sdn. Bhd., hlm.158.

¹⁷ AJ Harding, “Islam and Public Law in Malaysia: Some reflections in aftermath of ‘Susie Teoh’s case’ [1991] 1 M.L.J xci, hlm. xciii.

¹⁸ Mohd Taib Osman dan A. Aziz Deraman, 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5.

¹⁹ [2000] 5 M.L.J 375.

menyediakan atau membantu dalam menyediakan latihan dalam agama Islam dan menanggung perbelanjaan-perbelanjaan yang perlu bagi maksud-maksud tersebut.²⁰

Perhatikan pula kenapa Perkara 3, walaupun membenarkan agama-agama lain dianuti oleh penganutnya dengan bebas tetapi melarang penganut-penganut agama lain menyebarkan agama lain itu dikalangan orang-orang beragama Islam. Menurut perkara 11(4), undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganut agama Islam. Mereka yang arif dengan hukum-hukum agama Islam pasti mengakui bahawa penggubal-penggubal Perlembagaan juga memahamai tentang hukum seorang Islam yang menjadi murtad. Menurut hukum yang diterima dan disepakati oleh jumah ulama' seorang yang murtad hendaklah diberi nasihat sebanyak tiga kali supaya ia mengucap semula dua kalimah shahadah dan bertaubat serta mengisytiharkan kembali keislamannya. Sekiranya ia ingkar maka ia hendaklah dihukum mati. Penulis berpendapat bagi mengelakkan ini berlaku, maka penggubal Perlembagaan dari awal lagi mencegah penyebaran agama lain dikalangan orang-orang Islam supaya tidak berlaku riddah dikalangan orang Islam. Dari mana mereka memahami hukum murtad ini? Penulis pasti bahawa ini diperolehi dengan melihat dan menerima amalan orang Melayu Islam di Tanah Melayu sebelum kedatangan Barat ke Tanah Melayu.

Menurut Jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan kuasa-kuasa membuat undang-undang berkaitan dengan orang-orang Islam mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam Senarai Negeri itu adalah di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Oleh kerana tiap-tiap negeri ada kuasa, maka adalah merupakan satu hakikat bahawa Enakmen Undang-undang Islam adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Akibat dari keadaan ini fatwa mengenai beberapa isu, berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain.²¹

Sungguhpun dikatakan kerajaan negeri mempunyai kuasa membuat undang-undang bagi orang-orang Islam dan menguatkuasa atas mereka ia hanyalah mengenai undang-undang diri dan keluarga sahaja.²² Undang-undang ini pula jika ianya undang-undang jenayah adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah-mahkamah Islam (Bidangkuasa Jenayah) 1965. Ini bermaksud sungguhpun kerajaan negeri boleh menetapkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan jenayah dalam Islam, bidangkuasanya masih lagi terbatas. Contohnya orang Islam yang melakukan zina tidak bolehlah dihukum seperti yang telah ditetapkan oleh hukum Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Qur'an yang bermaksud:

*“Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan terhadap keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman dengan Allah dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman”.*²³

²⁰ Mohd. Salleh Abbas (Tun Hj.), 1986. *Traditional Elements of the Constitution*, dalam. F.A. Trindade & H.P. Lee (eds.), *The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Developments, Essays in Honour of Tun Mohamed Suffian*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 8.

²¹ Othman Hj. Ishak, 1981. Fatwa Dalam Perundangan Islam, dipetik dari F.A Trindade & H.P. Lee, *ibid.*, hlm. 86.

²² Lihat perenggan pertama, Senarai Dua, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

²³ Al'Qur'an, Surah AN-NUUR: 2.

Menurut Akta tersebut hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah Syariah bagi kesalahan jenayah (termasuklah zina) adalah seperti berikut:

- i) Penjara maksima tidak lebih dari 3 tahun,
- ii) Denda tidak lebih dari RM5,000.00
- iii) Sebat tidak lebih dari 6 rotan,
- iv) Kedua-duanya sekali.

Kerajaan negeri juga tidak boleh melaksanakan dan menguatkuasakan Undang-undang Islam selain dari yang disebutkan dalam Senarai Negeri kerana ini akan bertentangan dengan perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan yang berikut:

“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu senarai kedua yang dinyatakan dalam jadual kesembilan) atau Senarai Bersama.”

ISLAM DAN SYARIATNYA PADA ZAMAN KEGEMILANGAN KESULTANAN MELAYU

Mengenai sejarah perundangan di negeri-negeri Melayu, penulis-penulis Barat cenderung mengatakan bahawa tiada terdapatnya undang-undang di negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan British.²⁴ Bartholomew mengatakan seperti berikut:

*“Penang is the first settlement that has to be considered from this point of view, and it must be noted the, as the island was ceded to the East India Company, then, on the application of the accepted principles of constitutional law the precession law of the island should have continued in force until alter by the new sovereign infact Penang was either virtually or totally uninhabited at the time of the cession, so that there was in fact no precession law which could remain in force.”*²⁵

Manakala mengenai Melaka, Bartholomew mengatakan bahawa sebelum kedatangan Inggeris undang-undang Belanda telah digunakan pada masa berkenaan (Bartholomew, 1995). Seterusnya, mengenai negeri-negeri Melayu Bersekutu dan negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu, Bartholomew tidak menjelaskan apakah undang-undang yang digunakan sebelum 1937 dan 1951.²⁶ Bartholomew menulis seperti berikut:

“...the Unfederated States never, as such had a statutory reception of English law although in 1951 the Federated Malay States never as such had a statutory reception of

²⁴ Nuarrual Hilal Md. Dahlan, *Hairuddin Megat Latif*, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Azam Hussain dan Yuhanif Yusof, 2005. Perundangan Negeri Kedah pada zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Penyelidikan yang tidak diterbitkan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

²⁵ Bartholomew, G.W., 1965. *The commercial law of Malaysia- A study in the reception of English law*. Singapore: Malayan Law Journal, hlm. 5.

²⁶ *Op.cit.*, hlm. 5.

English law the Federated Malay States Civil Law Enactment was extended to the other Malay States of the Federation of Malaya that is to say the former Unfederated Malay States, however, there was a considerable unofficial reception of English law both through the enactment of legislations based upon English models and through the efforts of an English trained bench and bar.”²⁷

Petikan-petikan di atas menggambarkan seolah-olah negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan British tidak mempunyai satu sistem perundangan. Namun begitu, Hickling berpendapat bahawa negeri-negeri di Tanah Melayu mempunyai sistem perundangannya sendiri sebelum kedatangan pihak Barat. Semasa bercakap kepada Majlis Persekutuan pada 1927, Sir Hugh Clifford merujuk kepada undang-undang lama Malaya sebelum ketibaan British iaitu Undang-undang Syara’, Undang-undang Islam, kanun, undang-undang tradisional dan hukum adat .

Pendapat dan pandangan siapakah yang lebih benar? Bartholomew atau Hickling? Bagi menjawab persoalan ini mari kita mulakan dengan sejarah negeri Melaka.

Melaka

Apabila ahli sejarah menyebut mengenai zaman kegemilangan Kerajaan Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat dan sejarah Islam, maka Melakalah yang sering ditonjolkan sebagai Kerajaan Melayu yang gemilang dan yang pertama menerima Islam.²⁸ Dalam peta China yang dilukis pada tahun 1601 atas arahan Maharaja China ketika itu negeri *Malacca* tercatat diatas peta tersebut.²⁹ Peta ini jelas membuktikan kemasyhuran Melaka pada zaman itu dan sebelumnya. Walaupun barangkali ada pendapat yang mengatakan Melaka bukan merupakan petempatan Islam pertama di Semenanjung Malaysia ataupun satu-satunya petempatan Islam terkemuka pada kurun ke-15 Masihi, “tetapi bukti sejarah menjelaskan bahawa Melaka merupakan daerah yang sudahpun mengalami proses pengislaman yang agak menyeluruh pada abad tersebut.³⁰ Sejarah mencatatkan bahawa Sultan Muhammad Shah adalah yang pertama masuk Islam sekitar tahun 680 hijrah.³¹ “Penerimaan Islam oleh Sultan dan Raja Melaka membuka lembaran penting dalam sejarah Islam umumnya, dan sejarah masyarakat Melaka khususnya. Berikutan pembabitan istana dalam kehidupan Islam, rakyat turut sama terpengaruh untuk mengikut jalan yang telah dipilih oleh pemimpin mereka. Hal ini sedia terakam dalam *Sejarah Melayu*.”³² Ini diikuti juga oleh para

²⁷ Bartholomew, G.W., 1965. *The commercial law of Malaysia- A study in the reception of English law*. Singapore: Malayan Law Journal, hlm. 15.

²⁸ Hooker, M.B., 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 148.

²⁹ Penulis melihat sendiri peta ini yang disimpan di bahagian Arkib, Perpustakaan Universiti Heibei di Beijing dalam lawatan ke Universiti ini bagi tujuan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Universiti Utara Malaysia dan Universiti Heibei pada 30 April 2005. Peta ini ditunjukkan oleh kakitangan Perpustakaan kepada rombongan dari UUM. Universiti Heibei telah ditubuhkan pada tahun 1924.

³⁰ Mohamad Abu Bakar, Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.), 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 26.

³¹ Dikatakan Sultan Muhammad Shah adalah yang pertama masuk Islam sekitar tahun 680 Hijrah. Lihat Muhammad Yusof Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 383.

³² Mohamad Abu Bakar, Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.), 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 27.

pembesarnya.³³ Sumber China mencatatkan, pada zaman pemerintahan Sultan Melaka ketiga, raja dan rakyat telahpun beragama Islam, dan mematuhi ajaran agama Islam.³⁴

Menurut Mohamad Abu Bakar, Melaka bukan sahaja menjadi sebahagian daripada Dunia Islam yang berpaksikan Makkah dan Madinah, tetapi juga berfungsi sebagai paksi kepada Dunia Islam Nusantara berikutan penglibatannya dalam perkembangan dan pemupukan Islam.³⁵ Dengan kejayaan ini Melaka telah mengambil alih peranan beberapa petempatan Islam terdahulu seperti Pedir dan Pasai di Sumatera, serta telah bertindak sebagai benteng yang menyekat pengaruh Buddhisme dan Hinduisme daripada merebak lebih jauh.³⁶

Pertambahan bilangan penduduk yang agak pesat, daripada sekitar seribu orang pada zaman awalnya hingga ke 200,000 orang sebelum kejatuhannya ketangan Portugis, Melaka sesungguhnya telah menjadi pengasas Islam yang bermakna, sekalipun hanya dilihat dari sudut perkembangan angka manusia yang beragama Islam.³⁷

Kerajaan Melayu Melaka sebelum ia ditakluki oleh Portugis telah pun melaksanakan undang-undang Islam dalam bentuk yang lebih luas daripada apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang yang dipraktikkan pada ketika itu adalah termaktub dalam Kanun Melaka. Undang-undang Melaka mengandungi unsur-unsur utama iaitu undang-undang, undang-undang laut, undang-undang perkahwinan orang-orang Islam, undang-undang Islam tentang jual beli dan undang-undang Johor.³⁸ Hooker menyatakan unsur Islam dalam setiap keadaan adalah jelas.³⁹ Undang-undang Melaka adalah merangkumi aspek jenayah, muamalah ataupun sistem ekonomi, kekeluargaan, keterangan serta acara.⁴⁰ “Penanaman pengaruh Islam ini berjalan agak lama, kerana kedua-dua undang-undang ini diperkenalkan oleh hampir kesemua Sultan Melaka dari zaman Sultan Iskandar Syah hinggalah zaman Sultan Mahmud, dan telah mengalami penambahan dari semasa kesemasa.”⁴¹ Selain dari itu sarjana-sarjana Barat seperti William R. Roff dan Alfred P. Rubin juga mengakui bahawa Undang-undang Melaka adalah berasaskan undang-undang Islam disamping hukum akal dan adat.⁴² Pendapat ini memanglah sangat tepat dengan kita melihat kepada Mukaddimah Hukum Kanun Melaka itu sendiri. Undang-undang ini dikatakan ditulis dan disusun oleh Hang Sidi Ahmad atas perintah Sultan Mahmud Syah(memerintah 1488-1511).⁴³ Sungguhpun demikian terdapat bukti sejarah yang menunjukkan undang-undang ini ditulis dan disusun atas perintah Sultan Muzaffar Shah(memerintah pada tahun 1446-

³³ *Ibid.*, hlm. 28.

³⁴ *Ibid.*, hlm. 30.

³⁵ *Ibid.*, hlm. 26.

³⁶ Yahya Abu Bakar, “Kemasukan Islam ke Melaka dan penyebarannya”, *Journal Sejarah Melaka*, Bil. 7, 1982, hlm. 30.

³⁷ *Op.cit.*, hlm. 27.

³⁸ Hooker, M.B., 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 10.

³⁹ *Ibid.*, hlm. 10.

⁴⁰ Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff, hlm. 12.

⁴¹ Mohamad Abu Bakar, Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.), 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 29.

⁴² Abdullah Alwi Hassan, Pertumbuhan pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.), 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 127.

⁴³ *Ibid.*, hlm. 127-128.

1456).⁴⁴ Undang-undang Melaka ini digunakan diseluruh kawasan dan taklukan kesultanan Melayu Melaka. Salinan-salinan Hukum Kanun ini ditemui di Riau, Pahang, Pontianak dan Brunei Darussalam.⁴⁵

Begitu popularnya Hukum Kanun Melaaka ini sehinggakan undang-undang lautnya telah diterjemahkan kedalam beberapa bahasa. Abdullah Alwi Hassan menulis seperti berikut:⁴⁶

“Undang-undang Melaka telah diterbitkan dalam beberapa versi, antaranya:

- (a) Sir Thomas Stamford Raffles merupakan pengasas kepada pengkajian manuskrip Undang-undang Melaka. Beliau telah menerbitkan teks beberapa undang-undang laut di dalam *The Asiatic Researches* (1818, Jilid 12). Raffles juga telah membuat ulasan ringkas tentang Kanun Melayu yang dicetak semula dalam *The Malacca Weekly Register* (antara 9 Januari dan 3 September 1840). Fasal dalam Undang-undang Laut Melaka telah dipetik oleh D.F.A. Hervey pada tahun 1877 dan W.E. Maxwell pula menyunting dan menerbitkan dalam *Journal of Royal Asiatic Society Straits Branch*, 3:62-84:1-2 (1979) dengan disertakan beberapa keterangan lanjut.
- (b) John Crawfurd telah menterjemahkan beberapa petikan Undang-undang Melaka dan diterbitkan dalam bukunya *History of the Indian Archipelago* (1820), Jilid III. Kemungkinannya petikan ini telah diambil daripada manuskrip No. 12397 (Malay 24) dalam koleksi Perpustakaan British.
- (c) T.J. Newbold telah menterjemah undang-undang yang lain daripada Undang-undang Laut. Terjemahan undang-undang ini diterbitkan dalam bukunya *Political and Statistical Account of The British Settlements in The Straits of Malacca* (1839) Jilid II (hlm. 23-313).
- (d) J.R. Logan telah menterjemah Undang-undang Melaka daripada manuskrip 33 Thomas Stamford Raffles (*Journal of Royal Asiatic Society -Straits Branch* (1879). Terjemahan ini diterbitkan dalam rencananya ‘*Malayan Laws of The Principality of Johore*’, dalam *Journal of Indian Archipelago and Eastern Asia* 9 (hlm. 71-95), 1855.
- (e) E. Dulaurier telah menterjemah Undang-undang Laut Melaka dan diterbitkan dalam rencananya ‘*Institutions Maritimes de l’Archipel d’Asie*’ (1845) (hlm. 389-447). Dalam rencana yang sama juga beliau membuat ringkasan *Risalat Kanun Melaka* secara keseluruhannya (hlm. 447-450).
- (f) Ph.S. Van Ronkel telah menerbitkan bukunya *Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang-Oendang Melaka* (1919), yang merupakan edisi daripada sepuluh buah manuskrip, berpandukan manuskrip Leiden Cod. Or. 1705 (1) sebagai teks asas. Beliau juga menterjemahkan Kanun itu secara ringkas.
- (g) R.O. Winstedt dan P.E. de Josselin de Jong telah menerbitkan edisi baru Undang-undang Laut Melaka dalam *Journal of Royal the Asiatic Society – Malayan Branch* 29 (1956) (hlm. (3) 22-59).

⁴⁴ Ini berdasarkan catatan *Sejarah Melayu* dan lima manuskrip *Risalat Hukum Kanun*.

⁴⁵ *Op.cit.*, hlm. 128.

⁴⁶ Abdullah Alwi Hassan, Pertumbuhan pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.), 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 130-132.

- (h) R.O. Winstedt dalam tulisannya “*The Brunei Code*” telah membuktikan bahawa tulisan ini adalah satu salinan daripada manuskrip Melaka. Rencana ini ditulis dalam *Journal of the Royal Asiatic Society- Straits Branch* 85 (1922) (hlm. 232); dan *Journal of the Royal Asiatic Society- Malayan Branch* 1 (1923) (hlm. 251).
- (i) J.E. Kempe dan R.O. Winstedt telah memasukkan beberapa fasal daripada teks Undang-undang Melaka ke dalam rencana mereka ‘Malay Legal Digest...Pahang’, yang memuatkan beberapa rujukan kepada prinsip-
- (j) prinsip fikah. Terjemahannya terdapat dalam *Journal of the Royal Asiatic Society- Malayan Branch XXI* (1948) : (1), hlm 1-67. ‘Malay Legal Miscellany’ karangan mereka juga adalah sebagai satu penerangan lanjut kepada ‘Malay Manuscripts 33’ oleh Thomas Stamford Raffles; lihat *Journal of the Royal Asiatic Society- Malayan Branch XXVI* (1952): hlm. 1-19, ...
- (k) R.O. Winstedt telah membuat keterangan ringkas berhubung dengan penentuan tarikh ‘The Malacca Code’. Ini dapat dilihat dalam *Journal of the Royal Asiatic Society – Malayan Branch* (1953) : hlm. 31-32.
- (l) R.W. Jakeman telah menerbitkan ‘Kanun Pahang’ yang berasal daripada manuskrip Melaka dalam *Journal of the Royal Asiatic Society – Malayan Branch* 24 (1951): (3), hlm. 150-151.
- (m) W.E. Maxwell dalam rencananya, ‘Laws and customs of the Malays...’, menulis tentang sebahagian daripada pilihan manuskrip Melaka, Perak dan Minangkabau. Rencana ini diterbitkan dalam *Journal of the Royal Asiatic Society- Straits Branch* 13 (1884) : hlm. 75-167.
- (n) Liaw Yock Fang telah menulis bukunya bertajuk *Undang-undang Melaka* (1976), yang merupakan kajian terakhir dan edisi yang terlengkap sehingga sekarang. Buku ini mengandungi beberapa keterangan tentang kajian lepas, pengkajian terhadap manuskrip dan penerangan tentang ciri-ciri beberapa teks...”

Demikian tulisan Abdullah Alwi Hassan, yang cuba sedaya upayanya menggambarkan betapa mashyurnya Hukum Kanun Melaka.

Dalam aspek undang-undang jenayah misalnya, ketiga-tiga bahagian penting undang-undang Jenayah Islam telahpun diperuntukkan dalam undang-undang Melaka. Bahagian-bahagian itu ialah qisas (termasuk diat), hudud dan ta'zir.

Hukum qisas adalah dipakai terhadap pembunuhan yang dilakukan oleh orang Islam terhadap orang Islam yang lain dan juga oleh orang kafir terhadap orang Islam yang mana hukuman ialah bunuh balas. Ini disebut dalam fasal 5:1, 5:3, 8:2, 8:3, 18:4, dan 39.

Walau bagaimanapun dalam kes pembunuhan tidak sengaja dan kerosakan harta benda dan binatang hukuman yang dikenakan ialah diat.⁴⁷ Mengenai kecederaan diperuntukkan bahawa seorang yang melakukan kesalahan menampar seorang yang lain akan dikenakan hukuman tampar balas.⁴⁸

Hukuman hudud pula dipakai kepada kesalahan-kesalahan berikut:

- a) Zina, hukumannya ialah sebat 100 kali atau rejam sampai mati (fasal 14:2).
- b) Qadhaf (menuduh orang lain berzina), hukumannya ialah disebat 80 kali (fasal 12:3).

⁴⁷ Undang-undang Melaka, fasal 16:3, fasal 21:1 dan fasal 19.

⁴⁸ *Ibid.*, fasal 8:2

- c) Mencuri yang cukup kadarnya, hukumannya ialah dipotong tangan (fasal 11:1).
- d) Minum arak, hukumannya ialah sebat 40 kali (fasa 142).
- e) Murtad, hukumannya ialah bunuh setelah disuruh bertaubat tetapi enggan melakukannya (fasa 136:1).

Selain dari perkara-perkara di atas hukuman hudud juga dipakai kepada kesalahan merompak⁴⁹, menderhakai pemerintah yang adil.⁵⁰, dan meninggalkan sembahyang.⁵¹

Hukuman ta'zir pula dipakai terhadap kesalahan mencuri yang gugur hukum hudud,⁵² bercumbuan⁵³, menuduh kafir zimmi dan hamba melakukan zina,⁵⁴ fitnah,⁵⁵ berjudi,⁵⁶ dan penyaksian palsu.⁵⁷ Selain daripada undang-undang jenayah, undang perekonomian, undang-undang keluarga, undang-undang keterangan dan acara juga diperuntukkan dalam undang-undang Melaka.⁵⁸

Mengenai undang-undang komersial kaedah-kaedah asas seperti persetujuan bersama membeli dan menjual, identiti barang-barang, kebangkrapan dan hutang-hutang dinyatakan juga dalam kanun Melaka.⁵⁹

Elemen Islam dalam Kanun Melaka

Keistimewaan Kanun Melaka ini bukan sahaja cuba menyesuaikan elemen-elemen Islam dengan elemen-elemen tempatan malahan mukaddimahnya dimulai dengan memuji Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Mukaddimahnya berbunyi seperti berikut:

*“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan Seru Sekalian Alam dan kesejahteraan bagi mereka yang percaya kepada Allah, dan selamat serta salam bagi utusanNya Saiyidina Muhamad dan seluruh keluarganya dan sahabat-sahabatnya.”*⁶⁰

Dalam Undang-undang Melaka ini perkataan *kanun* digunakan seerti dengan adat, berbeza dengan Hukum Allah, iaitu undang-undang Tuhan.⁶¹ Unsur Islam yang pertama muncul dalam Bab 5 di mana dalam Bab 5.12 diperuntukkan kesalahan membunuh tanpa sebab “...beliau hendaklah dihukum mati menurut undang-undang Tuhan.”⁶² Dalam Bab 7.2 disebut hamba yang mencuri boleh dibunuh atau boleh

⁴⁹ *Ibid.*, fasal 43:6.

⁵⁰ *Ibid.*, fasal 43:2 dan 5.

⁵¹ *Ibid.*, fasal 36:2.

⁵² *Ibid.*, fasal 11.

⁵³ *Ibid.*, fasal 43:5.

⁵⁴ *Ibid.*, fasal 41.

⁵⁵ *Ibid.*, fasal 41 dan 41.5.

⁵⁶ *Ibid.*, fasal 43.7.

⁵⁷ *Ibid.*, fasal 36.

⁵⁸ Hamid Jusoh, 1990. *Pemakaian Undang-undang Islam kini dan masa depannya di Malaysia*, hlm 65-66.

⁵⁹ M.B Hooker, 1986. *The Oriental Text: With special reference to the Undang-undang Melaka and Malay Law, Malaysian Legal Essays, A collection of essays in honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, hlm. 436.

⁶⁰ *Ibid.*, hlm. 442.

⁶¹ M.B Hooker, 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 11.

⁶² *Ibid.*, hlm. 11.

mungkin didenda dan seksyen ini seterusnya menyebut bahawa mengikut “undang-undang Tuhan, sesiapa yang mencuri sepatutnya tidak dibunuh tetapi sebaliknya dipotong tangannya.”⁶³ Hukuman potong tangan kerana mencuri selaras dengan ayat 38 Surah Al-Maidah yang bermaksud “Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangan kedua-keduanya.” Bab 11.1 menyatakan hukuman potong tangan dikenakan kepada ketua pencuri sesuatu kumpulan manakala dalam bab lain hukuman takzir ditentukan, iaitu hukuman yang dikenakan oleh hakim mengikut bubarannya bagi kesalahan yang lebih ringan seperti fitnah dan membawa saksi palsu apabila tiada hukuman hudud ditentukan.⁶⁴ Dalam Bab 11.1 ini juga takzir yang ditentukan adalah supaya pencuri diarak disekeliling pekan dengan menunggang lembu, dengan mukanya dicat dan diiringi paluan gong sementara kesalahan jenayah yang dilakukannya diumumkan kepada semua.⁶⁵ Dalam Bab 12 menyatakan bagi lelaki yang berzina, sekiranya ia muhsan, beliau hendaklah direjam hingga mati. Dalam bab ini muhsan ditakrifkan sebagai seorang yang menjadi satu pihak kepada perkahwinan yang sah.⁶⁶ Bab 36 dan 37 adalah berkaitan dengan murtad dan keterangan yang dibuat oleh saksi-saksi mengenai hal sedemikian. Dalam Bab 36.1 seorang yang murtad mungkin dibunuh tetapi dia tidak boleh dikebumikan di tanah perkuburan Islam dan menurut agama Islam.⁶⁷ Manakala dalam bab 36.2 dinyatakan seorang yang enggan mengerjakan sembahyang atau enggan mempercayai sembahyang adalah wajib mungkin dibunuh tetapi beliau boleh dikebumikan seperti orang Islam.⁶⁸ Bab 36 dan 37 adalah berkaitan dengan murtad dan keterangan yang dibuat oleh saksi-saksi mengenai hal sedemikian. Dalam Bab 36.1 seorang yang murtad mungkin dibunuh tetapi dia tidak boleh dikebumikan di tanah perkuburan Islam dan menurut agama Islam.⁶⁹ Dalam bab 37 dinyatakan seorang saksi yang layak perlu mengetahui apa yang halal dan apa yang dilarang, apa yang sunat dan apa yang wajib, apa yang salah dan apa yang betul, dan apa yang baik dan apa yang buruk.⁷⁰

Bukti yang menunjukkan pelaksanaan undang-undang Islam memberi kesan kepada keamanan dan kemakmuran Melaka boleh disaksikan dari petikan ini.⁷¹

“Sejarah Melayu menjelaskan bahawa akibat perbuatan merompak yang berleluasa, masyarakat telah menjadi kucar kacir; rakyat Melaka, ‘...kehilangan...tiada berhenti lagi setiap malam.’ Mungkin hukum adat tidak banyak memberikan kesan untuk membendung perbuatan mencuri, lalu digantikan dengan hukum Islam. Ini menampakkan perubahan dan kedinamikan undang-undang itu sendiri. Buktiya selepas penguatkuasaan hukum hadd oleh Sultan Alauddin tadi, maka Melaka, ‘...daripada hari itulah datang kepada akhirnya tiada pencuri lagi...’ Masyarakat Melaka hidup dengan tenteram dan aman.”

Kedah

Manakala di Kedah pula, rekod menunjukkan bahawa terdapat beberapa kod undang-undang yang telah digunapakai yang berdasarkan undang-undang Islam dan adat istiadat Melayu.⁷² Menurut R.O Winstedt

⁶³ *Ibid.*, hlm. 11.

⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 11.

⁶⁵ *Ibid.*, hlm. 11-12.

⁶⁶ *Ibid.*, hlm. 12.

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 15.

⁶⁸ *Ibid.*, hlm. 15.

⁶⁹ *Ibid.*, hlm. 15.

⁷⁰ *Ibid.*, hlm. 15.

⁷¹ Muhammad Yusoff Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 205. Beliau memetik dari W.G Shellabear, 1903. *Sejarah Melayu*(edisi kedua). Singapore: American Mission.

undang-undang Kedah itu dikenali sebagai Hukum Kanun Kedah (HKK) yang bermula penulisannya pada 1060 H (1650 M). R.O Winstedt telah membahagikan Hukum Kanun Kedah kepada empat bahagian iaitu:⁷³

- a) Undang-Undang 1060 H (1650 M);
- b) Tembera Dato' Paduka Tuan;
- c) Hukum Kanun Dato' Kota Setar;
- d) Fasal Bunga Mas, Alat Kerajaan Pada Masa Bertabal, Orang Besar-Besar dan Adat Meminang.

a) Undang-undang 1060 H (1650 M)

Bahagian pertama Hukum Kanun Kedah (HKK) melibatkan undang-undang yang berkaitan dengan pelabuhan – tatacara mengendalikan pelabuhan, perdagangan dan pesara (pekan/bandar). Undang-undang ini telah diperbuat pada zaman pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah, Sultan Kedah Ke-13.⁷⁴ Ini dinyatakan dalam Seksyen 34. Seksyen itu menyatakan:

'Pada adat kebesaran hasil kapal Kalinga itu empat ratus emas dan kapal Gujerat enam ratus emas.

Maka undang-undang ini diperbuat daripada zaman Sultan Rijalu'ddin Muhammad Shah semayam di Naga, muafakat dengan sakalian manteri pegawai dan pandita membicharakan dia, supaya tetap adat ini, janganlah berubah-ubah. Tatkala tetap adat negeri, maka segala dagang pun banyaklah mari ka negeri itu; maka ramailah. Tatkala ramai, maka isi negeri pun jadi maamor; maka sentosalah negeri itu. Maka adalah tersebut di dalam hadith Nabi salla'llahu alaihi wa sallama, apabila raja-raja menetapkan adat, bagi raja-raja Allah subhanahu wa taala menetapkan masanya; jika raja-raja kafir sakali pun.'

Undang-undang ini telah diperbuat pada hari Jumaat 17hb. Jumadil-Akhir 1060 H bersamaan dengan 1650 M. Undang-undang ini adalah berkaitan dengan undang-undang pelabuhan. Tujuan undang-undang ini dibuat adalah untuk menetapkan peraturan di pelabuhan dan menentukan tugas pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja pelabuhan.

b) Tambera Dato' Seri Paduka Tuan (1078 H /1667 M)⁷⁵

Undang-undang ini adalah merupakan bahagian kedua daripada Hukum Kanun Kedah. Ia telah diperbuat pada 1078 H (1667 M). Walaupun tidak terdapat nama Sultan yang mengarahkan pembesarnya (Dato' Seri Paduka Tuan) untuk menulis undang-undang tersebut, tetapi ia dapat dikenalpasti. Berdasarkan tarikh tersebut (1078 H), namanya ialah Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, Sultan Kedah Ke-15 (1661-1687)

⁷² Perbincangan seterusnya berkaitan sejarah Kedah adalah berdasarkan penyelidikan oleh Nuarrual Hilal Md. Dahlan, *Hairuddin Megat Latif*, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Azam Hussain dan Yuhanif Yusof, 2005. Perundangan Negeri Kedah pada zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Penyelidikan tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman.

⁷³ *Ibid.*, hlm. 6 dan 38.

⁷⁴ *Ibid.*, hlm. 39.

⁷⁵ R.O. Winstedt, 1928. *Kedah Laws*, dlm. JMBRAS 6:2, hlm 27.

yang berpusat di Kota Indera Kayangan dalam negeri Perlis.⁷⁶ Kandungan bahagian kedua Hukum Kanun Kedah membicarakan tentang kesalahan dan hukuman terhadap mereka yang melakukan perbuatan yang dianggap jenayah dan yang dilarang oleh syarak.

Di bawah ini dinyatakan peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam Tambara Dato' Seri Paduka Tuan.⁷⁷

Fasal 1:Perbuatan yang Menjadi Larangan

Undang-undang ini menerapkan nilai-nilai Islam dengan melarang rakyatnya melakukan perbuatan yang ditegah oleh agama Islam. Antara perbuatan yang ditegah adalah mencuri, menyamun, menyabung, makan madat, menyembah batu atau kayu, minum arak dan sebagainya. Orang yang melakukannya, disuruh bertaubat. Tetapi tidak disebutkan dengan jelas jenis hukuman yang dikenakan, sama ada dikenakan hukum hudud atau tidak. Adalah menjadi kesalahan jika panglima atau ketua kampung (*kweng*) tidak memberitahu kepada raja jika orang bawahannya melakukan kesalahan tersebut.

Fasal 2: Hukum Bagi yang Tidak Bersembahyang

Mereka yang tidak bersembahyang akan dihukum takzir. Sekiranya enggan, mereka akan dibawa ke masjid dan dikekang lehernya.

Fasal 3: Hukum Tentang Zakat

Hasil bendang atau huma hendaklah dikenakan zakat, iaitu 10 emas. Sesiapa yang enggan akan dihukum mengikut hukum syarak.

Undang-undang dibentangkan dari Fasal Satu hingga Fasal Enam Belas di atas adalah berdasarkan pengaruh Undang-undang Islam di samping peraturan-peraturan adat dan kebiasaan masyarakat ketika itu.

Dalam buku *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ada menyebut tentang arahan baginda supaya undang-undang negeri, antaranya ditegaskan:

*'Adapun Sultan Muhammad Jiwa Yang Maha Mulia memerintah negeri Kedah itu adalah mengikut peraturan negeri besar-besar. Baginda itu membuat undang-undang, adat dan syarak, serta dipertetapkan masing-masing pegangan di atas segala menteri-menteri tiada boleh menukar pekerjaan masing-masing sebagaimana yang telah ditetapkan itu.'*⁷⁸

Berdasarkan kenyataan ini pastilah orang yang bertanggungjawab melahirkan 'Hukum Kanun Dato' Kota Setar' itu ialah Sultan Muhammad Jiwa sendiri.⁷⁹ Alasan ini dapat diperkuatkan lagi dengan adanya nama

⁷⁶ Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, 1990. *Hukum Kanun Kedah Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Star*, dalam *Alor Setar 250 tahun, 1735-1985*, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman 1990, hlm. 57.

⁷⁷ Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, 1995. *Sastera Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 123.

⁷⁸ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Edisi rumi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 114, yang disebut oleh Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, *Hukum Kanun Kedah Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar*, dalam *Alor Setar 250 Tahun, 1735-1985*. Kerajaan Negeri Kedah Darulaman 1990, hlm. 57.

⁷⁹ Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, *Hukum Kanun Kedah Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar*, dalam *Alor Setar 250 Tahun, 1735-1985*. Kerajaan Negeri Kedah Darulaman 1990, hlm. 57.

baginda yang disebutkan pada bahagian terakhir dalam Hukum Kanun Kedah yang mengisahkan cara-cara membuat ‘Bunga Mas’ pada zaman baginda.⁸⁰

c) Undang-Undang Kedah 1311 H

Walau bagaimanapun terdapat satu lagi naskhah undang-undang yang tidak dinyatakan oleh R. O. Winstedt yang merupakan kod undang-undang Kedah iaitu Undang-Undang bertarikh 1311 H (1893 M) yang ditulis dan disusun oleh Kodin bin Komis.⁸¹

Manuskrip undang-undang ini tersimpan di Arkib Negara dan ia ditulis dalam tulisan jawi lama. Bahagian akhir undang-undang ini dicatatkan nama pengarang yang bertanggungjawab menyiapkan penulisannya iaitu Kodin bin Komis serta tarikh tamat ianya disiapkan. Adalah jelas undang-undang ini wujud pada awal pemerintahan Sultan Abdul Hamid Shah, iaitu sejak 1882 dan mungkin lebih awal lagi.

Undang-undang ini mengandungi 40 Fasal yang boleh dikatakan agak menyeluruh meliputi semua keperluan undang-undang berdasarkan corak kehidupan masyarakat pada waktu itu. Secara umumnya, peraturan-peraturan yang terdapat dalam undang-undang ini berhubung dengan syarat-syarat bagi raja dan menteri, undang-undang jenayah, undang-undang keluarga, perdagangan, tanah dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan hamba abdi. Kebanyakan daripada apa yang ditetapkan adalah menepati dengan apa yang dianjurkan oleh undang-undang Islam. Pembahagian Fasal dalam undang-undang tersebut adalah:

- Hukum qisas, hudud, takzir dan diat diperuntukkan dalam Fasal 3, 5, 7, 8, 9 dan 12.
- Manakala peraturan yang berkaitan dengan muamalat terdapat dalam Fasal 10, 13, 14, 15, 23, 24, 26, 27, 32, 33, 34,35 dan 36.
- Undang-undang perkahwinan Islam diterangkan dengan panjang dalam fasal 16.⁸²

d) Undang-Undang berkaitan dengan Agama Islam⁸³

Daripada undang-undang atau enakmen-enakmen pentadbiran Islam yang dapat dikesan, ternyata ia bahawa hanya terhad kepada penggubalan undang-undang pentadbiran Islam tentang perkahwinan dan perceraian, hukuman yang boleh dijatuhkan kepada mereka yang melanggar atau meninggalkan ibadat tertentu dan peraturan-peraturan tentang penyebaran agama. Jelasnya enakmen-enakmen Islam yang diluluskan itu tidak melibatkan perkara-perkara tentang muamalat, jenayah dan hudud.

Antara enakmen terawal yang diperkenalkan di negeri tersebut ialah enakmen yang berkaitan dengan hukum keluarga. Enakmen itu dikenali sebagai Muhammadan Marriages (Separation) Enactment 1913

⁸⁰ Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, *Hukum Kanun Kedah Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar*, dalam *Alor Setar 250 Tahun, 1735-1985*, Kerajaan Negeri Kedah Darulaman 1990, hlm. 57.

⁸¹ Abdul Aziz Mohd Ariff, 1996/1997. Undang-Undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan Inggeris: Satu Penilaian Sejarah. Satu Latihan Ilmiah Untuk Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁸² Lihat fasal III, pelaksanaan Undang-undang Islam di Kedah sebelum Inggeris.

⁸³ Maklumat daripada tajuk ini diambil daripada *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

Tahun 1332. dalam teks bahasa Melayu (jawi) ia disebut sebagai Undang-Undang Shiqaq 1332 (1913).⁸⁴ Enakmen ini diperkenalkan melalui enakmen 1332 (1913). Ia kemudian dipinda melalui Enakmen No. 10 Tahun 1337 (1918). Seterusnya enakmen ini dimasukkan ke dalam edisi semakan Undang-Undang Negeri Kedah yang dikuatkuasakan hingga 30 Rabiulawwal, 1353 (13 Julai 1934), dikenali sebagai Enakmen No. 68. Enakmen ini mempunyai 13 peruntukan yang memberi kuasa kepada kadi untuk melantik perunding sebagai orang perantaraan untuk menyelesaikan perselisihan yang berlaku antara suami isteri, sama ada untuk berdamai, tebus talak atau sebagainya.

Pada tahun 1336 H (1917 M) satu undang-undang tentang penyebaran agama Islam pula telah diluluskan. Undang-undang yang dimaksudkan itu ialah Undang-undang Menjaga Orang-orang luar yang mengajar Agama No. 7 Tahun 1336. Enakmen ini seterusnya dimasukkan ke dalam edisi semakan Undang-undang Negeri Kedah yang dikuatkuasakan hingga 30 Rabiulawwal 1353 (13 Julai 1934), yang diperkenalkan melalui Undang-undang No. 119.

Pada tahun 1337 H (1914), Kerajaan Negeri Kedah meluluskan pula Undang-undang Mahkamah Syariah. Undang-undang ini dikuatkuasakan melalui Undang-undang No. 9 Tahun 1337 H (1918). Seterusnya ia telah dipinda melalui undang-undang No. 1 Tahun 1340 H (1921), No. 5 Tahun 1349 H (1930) dan No. 14 Tahun 1351 H (1932).⁸⁵ Akhirnya segala pindaan itu dimasukkan ke dalam edisi semakan Undang-undang Negeri Kedah yang terus dikuatkuasakan pada 30 Rabiulawwal 1353 H (13 Julai 1934). Edisi semakan ini dikenali sebagai Mahkamah Syariah Undang-undang No. 109.

Enakmen ini mengandungi 29 peruntukan mengenai pendaftaran perkahwinan dan penceraian. Kesalahan meninggal atau melanggar hukum ibadat tertentu, kesalahan melakukan perbuatan maksiat, serta kesalahan mengajar agama dan menerbitkan buku-buku agama tanpa kebenaran. Tentang pendaftaran perkahwinan dan penceraian undang-undang tersebut memperuntukan setiap perkahwinan, perceraian dan rujuk mesti dilaporkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh berlakunya perkara tersebut.⁸⁶ Mereka yang melanggar peraturan tersebut boleh dijatuhi hukuman denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan.⁸⁷ Sesiapa yang bersekedudukan selepas talak tiga, boleh dijatuhi hukuman denda tidak melebihi lapan puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun;⁸⁸ sesiapa yang tidak hadir sembahyang Jumaat tanpa keuzuran atau kebenaran daripada pegawai masjid, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi seringggit.⁸⁹ Sesiapa yang tidak berpuasa pada bulan Ramadhan, menjual makanan masak sebelum pukul 4 petang pada bulan Ramadhan, membuka kedai pada pukul

⁸⁴ Lihat, Ahmad Ibrahim, 'Ke arah penyelarasan undang-undang Islam di Malaysia'. Al-Islam, Ogos 1986: 39; Kedah. Mohammadan Marriages (Separation), Enactment No. 68; lihat juga edisi Jawi Undang-undang 68 (Shiqaq), disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁸⁵ Penulis tidak dapat mengesan enakmen asal di atas dan pindaannya, kecuali pindaan 1/1340 dan 5/ 1344. Lihat, Kedah: Mahkamah Syariah, Undang-undang No. 109. disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁸⁶ Kedah, Mahkamah Syariah, Undang-undang No. 109, Seksyen 3, 4 dan 6. disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁸⁷ *Ibid.*, Seksyen 7 (i) disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁸⁸ *Ibid.*, Seksyen 9 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁸⁹ *Ibid.*, Seksyen 13 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

11.30 pagi sehingga belum selesai sembahyang Jumaat, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi sepuluh ringgit; Orang yang bertanggungjawab memujuk untuk melarikan perempuan daripada penjaganya boleh dikenakan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak melebihi seratus ringgit;⁹⁰ Lelaki yang didapati bersalah kerana berzina, tanpa melibatkan perbuatan rogol, boleh dihukum penjara tidak lebih daripada setahun atau denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit. Bagi perempuan pula ia boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada enam bulan;⁹¹ Perempuan yang berkelakuan sundal, jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan bagi kesalahan pertama atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan bagi kesalahan berikutnya;⁹² Kesalahan berkahwin dengan tunang orang lain, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan.⁹³ Adalah menjadi satu kesalahan menerbitkan kitab-kitab agama tanpa terlebih dahulu diperiksa oleh Sheikh al-Islam dan mendapat kebenaran Majlis Mesyuarat Negeri. Demikian juga tentang pengajaran agama Islam.⁹⁴ Sheikh al-Islam berkuasa dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri membuat peraturan bagi orang-orang yang hendak masuk Islam.⁹⁵ Seterusnya enakmen ini menerangkan tentang kes-kes yang boleh didengar oleh Mahkamah Kadi dan kes-kes yang boleh didengar oleh Mahkamah awam.⁹⁶

Berdasarkan peruntukan dalam Undang-undang 109 itu, beberapa peraturan telah dibuat. Antaranya ialah peraturan bagi orang yang ingin memeluk Islam. Peraturan ini dibuat mengikut seksyen 25(1), dan antara lain menyatakan bahawa orang-orang yang datang atau dibawa untuk memeluk Islam ke Mahkamah Syariah hendaklah diajar asas-asas Islam. Dalam tempoh 15 minit hendaklah mereka itu dihantar ke balai polis yang terdekat.⁹⁷ Kemudian pegawai yang bertugas hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Pesuruhjaya polis dengan seberapa segera yang boleh.⁹⁸

Berdasarkan seksyen 23(c)(i) beberapa buku agama diharamkan. Buku-buku itu ialah *Fatua Persatuan Islam Bandung*, *Bintan Subuh*, *Asrar al-Fatihah*, *Kashf al- asrar*,⁹⁹ dan *Hidayat al-Anwar*.¹⁰⁰

⁹⁰ *Ibid.*, Seksyen 15 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹¹ *Ibid.*, Seksyen 17 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹² *Ibid.*, Seksyen 17 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹³ *Ibid.*, Seksyen 21 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹⁴ *Ibid.*, Seksyen 23 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹⁵ *Ibid.*, Seksyen 25 (1) disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹⁶ *Ibid.*, Seksyen 27- 28 disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹⁷ *Ibid.*, Seksyen 25 (1) peraturan 1, Gazette No. 516 of 2-5-27 (29 Oktober 1945) disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹⁸ *Ibid.*, peraturan 2, Gazette No. 516 of 2-5-27 (29 Oktober 1945) disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

⁹⁹ *Ibid.*, Seksyen 23 (c) (i), Gazette No. 399 of 24-9-32 (23 Mei 1951) disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

Johor

Di negeri ini sebelum campurtangan British, terdapat undang-undang yang dikenali sebagai Majalah Ahkam Johor: Kod undang-undang Sivil Islam Kerajaan Johor 1331 Hijrah/1913 Masehi. Kod ini diterjemahkan dari Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Othmaniyyah Turki pada kurun ke 19.¹⁰¹ Majalah ini mula dipakai sebagai kod undang-undang sivil Islam di Johor semenjak tahun 1893. Majalah diterjemahkan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dan dijadikan panduan rasmi bagi hukum syara' di negeri Johor pada tahun 1913.¹⁰² Sebelum dari itu Johor juga dikatakan mempunyai Kanun Johor 1789. Terjemahan kanun ini telah diterbitkan oleh J.R. Logan dalam *Journal of Indian Archipelago* dan dicetak oleh Thomas Braddell (9, 1855, art. IV).¹⁰³ Undang-undang ini adalah berasaskan *Risalat Hukum Kanun Melaka* dengan beberapa peruntukan tambahan dan pembetulan yang mempunyai ciri-ciri undang-undang awam, undang-undang tradisi Melayu (adat) dan Islam yang tersendiri.¹⁰⁴

Perak

Di negeri Perak sebelum kedatangan British terdapat dua undang-undang Melayu iaitu *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak* dan *Undang-undang Dua Belas* yang juga dikenali sebagai undang-undang Minangkabau.¹⁰⁵ *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak* dibawa ke Tanah Melayu pada abad ketujuh belas masehi oleh seorang Arab bernama Sayyid Hussain al Furadz. Undang-undang ini kemudiannaya telah digunakan oleh keturunan Sayyid Hussain yang menjadi Menteri di Perak untuk beberapa generasi.¹⁰⁶ Ada juga pendapat mengatakan undang-undang ini dibawa oleh Sayyid Abdul Majid dan undang-undang ini diamalkan pada abad kelapan belas Masehi pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Shah (1773-1792).¹⁰⁷ Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ini jelas menjadikan undang-undang Islam sebagai asanya.¹⁰⁸ “Undang-undang ini ialah sebuah buku rujukan lengkap untuk digunakan oleh seorang pemerintah Islam bagi menjalankan pentadbiran secara cekap menurut sistem pentadbiran undang-undang Islam.”¹⁰⁹

Manakala Undang-undang Dua belas pula adalah berdasarkan undang-undang Minangkabau dan undang-undang Islam.¹¹⁰ Dalam Fasal 33 terdapat penjelasan mengenai lapan jenis undang-undang iaitu undang-undang Allah dalam Al'Qur'an dan Hadis, adat raja, kebolehan berfikir, pentadbiran, hukum sakir dan hukum manjaperi.¹¹¹ Seterusnya fasal 34 menyebut tentang tiga asas pembentukan undang-undang iaitu

¹⁰⁰ *Ibid.*, Gazatte No. 356 26.4.57 (25 Jun 1938) disebut oleh *Abdul Kadir bin Haji Muhammad*, Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm 156 – 165.

¹⁰¹ Abd. Jalil Borhan, 2002. *Al-Ahkam Al-Adliyyah*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, hlm. v.

¹⁰² *Ibid.*, hlm. v.

¹⁰³ Abdullah Alwi Hassan, Pertumbuhan pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.), 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 146.

¹⁰⁴ *Ibid.*, hlm. 146-147.

¹⁰⁵ *Ibid.*, hlm. 141 dan 144.

¹⁰⁶ *Ibid.*, hlm. 141.

¹⁰⁷ *Ibid.*, hlm. 142.

¹⁰⁸ *Ibid.*, hlm. 143 dan 144.

¹⁰⁹ *Ibid.*, hlm. 144.

¹¹⁰ *Ibid.*, hlm. 145.

¹¹¹ *Ibid.*, hlm. 145.

kebolehan berfikir, adat dan Al'Qur'an.¹¹² Undang-undang ini kemudiannya mengakui dalam Fasal 89 bahawa “keadilan sebenar hanya melalui undang-undang Islam, kerana ia berasaskan dalil-dalil al-Qur'an, *al-Hadis*, *al-ijma* dan *al-Qiyas*.”¹¹³

Negeri Sembilan

Undang-undang di Negeri Sembilan hampir sama dengan undang-undang di Minangkabau. Ini dapat difahami kerana undang-undang ini berasaskan adat perpatih. Walaupun undang-undang perpatih berpandukan kepada adat, namun begitu undang-undang syarak tetap dijadikan sempadan setakat mana undang-undang adat ini boleh diikuti. Misalnya dalam teks Sungai Ujung, Bab 66 “memperuntukkan bahawa undang-undang Islam tetap dikuatkuasakan sedangkan adat diamalkan selagi tidak bercanggah dengan undang-undang Islam.”¹¹⁴ Manakala fasal 66 pula menjelaskan “bahawa adat adalah berasaskan undang-undang tempatan dan undang-undang itu pula adalah berasaskan al-Qur'an.”¹¹⁵

KEDUDUKAN ISLAM SEMASA NEGERI-NEGERI MELAYU DIBAWAH JAJAHAN INGGERIS

Kita sering membaca dalam buku-buku sejarah mengenai Tanah Melayu betapa Inggeris mengakui bahawa ia tidak akan campurtangan dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam walaupun Negeri-negeri Melayu secara terpaksa menerima residen-residen atau penasihat-penasihat Inggeris. Fasal VI Perjanjian Pangkor 1874 telah memperuntukkan:¹¹⁶

*“Bahawa Sultan menerima dan menyediakan tempat tinggal yang bersesuaian kepada pegawai Inggeris yang dikenali sebagai residen yang ditauliahkan untuk mengendalikan mahkamah baginda. Segala khidmat nasihat dan tindakan hendaklah dirujuk kepada residen kecuali hal-hal yang berhubung dengan agama dan adat istiadat orang Melayu.”*¹¹⁷

Seterusnya Perjanjiaan Kedah Perlis 1923 dan 1930 juga menegaskan penasihat Inggeris hendaklah memberi nasihat kepada Raja-raja Melayu “berhubung segala hal kecuali soal-soal yang berkaitan dengan adat istiadat Melayu dan agama Islam.”¹¹⁸

Begitu juga semasa Kelantan bersetuju menerima penasihat Inggeris pada 1910, perjanjian 22 Oktober 1910 mengandungi peruntukan berikut:

“Baginda Raja England sentiasa berhak melantik pegawai-pegawai menjadi penasihat dan penolong penasihat untuk bertindak sebagai wakil (atau ejen) baginda Raja

¹¹² *Ibid.*, hlm. 145.

¹¹³ *Ibid.*, hlm. 145.

¹¹⁴ *Ibid.*, hlm. 149.

¹¹⁵ *Ibid.*, hlm. 149.

¹¹⁶ W.G. Maxwell dan W.S. Gibson, 1924. *Treaties and Engagement Affecting the Malay State and Borneo*. London.

¹¹⁷ Dipetik dari Hamid Jusoh, 1992. *Kedudukan undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Satu rujukan khas terhadap kes-kes konversi dalam undang-undang Keluarga* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 19.

¹¹⁸ *Ibid.*, hlm. 19.

England. Raja Kelantan hendaklah membayar kepada penasihat dan penolong penasihat, gaji sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan baginda (raja England) dan mengadakan bagi diri mereka itu tempat yang sesuai. Dan Raja Kelantan seterusnya berjanji akan mengikuti serta melaksanakan nasihat penasihat itu ataupun penolong penasihat, jika ia tidak ada, iaitu dalam semua perkara pentadbiran selain daripada perkara-perkara yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat Melayu.”¹¹⁹

Satu dari isi perjanjian antara Sultan Johor dan Inggeris pada 1914 adalah seperti berikut:

“Sultan bagi negeri dan wilayah Johor akan menerima dan mengadakan tempat kediaman yang sesuai bagi seorang pegawai Inggeris yang akan dipanggil ‘penasihat umum’. Ia hendaklah ditauliahkan ke istananya dan tinggal di dalam negeri dan wilayah Johor dan nasihatnya mestilah diminta serta diikuti dalam semua perkara yang menyentuh pentadbiran negeri selain dari yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat Melayu”¹²⁰

Peruntukan-peruntukan yang hampir sama juga dinyatakan dalam perjanjian Inggeris dan Sultan Terengganu dalam tahun 1919, dengan Sultan Kedah dalam tahun 1923 dan dengan Raja Perlis dalam tahun 1930.¹²¹

Hakikat ini semakin terang dan jelas dari kes-kes mahkamah yang diputuskan semasa penjajahan Inggeris. Misalnya dalam kes *Chulas and Kachee lwn. Kolson binti Seydoo Malim*¹²² mahkamah menegaskan “persoalan setakat mana kaedah umum undang-undang England digunakan kepada kaum yang mempunyai institusi keagamaan dan sosial yang berlainan daripada kita [Inggeris]¹²³ sendiri sememangnya kadang-kadang ditimbulkan lagi dalam mahkamah ini dan ia jarang sekali dapat diselesaikan dengan mudah. Telah berulang kali diputuskan sebagai doktrin undang-undang kita [Inggeris] bahawa kaedah kita [Inggeris] tidak boleh dipakai kepada kaum tersebut apabila ketidakadilan dan penganiayaan yang tidak bertanggung terjadi akibat dari pemakaian itu...”¹²⁴ Seterusnya dalam kes *Ramah binti Taat lwn. Laton binti Malim Sutan*¹²⁵ mahkamah menyatakan bahawa “undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing; undang-undang Islam adalah undang-undang negeri itu, dan oleh itu mahkamah mesti memberi pengiktirafan kehakiman terhadapnya.”¹²⁶ Manakala dalam kes *Re Ismail bin Rentah, Decd. Haji Hussain bin Singah lwn. Liah binti Lerang & 3 Ors.*¹²⁷ mahkamah sekali lagi

¹¹⁹ Article 2, *Kelantan Treaty With Great Britain of 22nd Oktober 1910*. Dipetik dari Zaini Nasohah, 2004.

Pentadbiran Undang-undang Islam di Mlaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 29.

¹²⁰ Article 3, *Johor Treaty of Malaya 12, 1914*. Dipetik dari Zaini Nasohah, 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 30.

¹²¹ Lihat Zaini Nasohah, 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Mlaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 30.

¹²² (1867) Leic. 462.

¹²³ Penekanan oleh Penulis sendiri.

¹²⁴ Dipetik dari Salleh Buang, 1996. *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan material* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 70.

¹²⁵ (1927) 6 F.M.S.L.R 126, hlm 128.

¹²⁶ Dipetik dari Salleh Buang, 1996. *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan material* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 63.

¹²⁷ [1940] 9 MLJ 98.

menegaskan “undang-undang Islam selagi ia berkaitan dengan orang Melayu...tentu sekali merupakan sebahagian daripada *common law* negeri ini.”¹²⁸

Dalam kes *Shaik Abdul Latif & Ors. lwn. Shaik Elias Bux* ¹²⁹ Pesuruhjaya Kehakiman Innes menyatakan “setiap kali, apabila pengenalan pengaruh British ke atas hal pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu itu diiktiraf dengan rasmnya oleh Raja mereka, satu-satunya undang-undang yang wujud dan diterima oleh orang Melayu dan orang Islam yang lain sebagaimana yang perlu dipakai bagi persoalan pewarisan dan pelupusan secara wasiat, adalah undang-undang Islam yang telah diubahsuai dari beberapa aspek oleh adat tempatan.”¹³⁰ Seterusnya Pesuruhjaya Kehakiman Edmonds menyatakan seperti berikut:

“Triti British dengan Raja Negeri-negeri Melayu hanya memperuntukkan bahawa nasihat para pentadbir British hendaklah dipatuhi dan selaras dengan nasihat tersebut, mahkamah telah diwujudkan melalui Enakmen, hakim British telah dilantik dan pentadbiran British telah diwujudkan. Sebelum triti pertama, penduduk Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini hampir keseluruhannya terdiri daripada orang Melayu beragama Islam dengan masyarakat industri dan perlombongan orang Cina yang ramai ditengah-tengah.

*Satu-satu undang-undang yang dipakai kepada orang Melayu dikala itu ialah undang-undang Islam yang telah diubahsuai dengan adat tempatan. Di Selangor, Perak dan Pahang, pewarisan selepas kematian orang Islam mengikut undang-undang Islam yang tidak diubahsuai; disesetengah tempat Negeri Sembilan terdapat adat khas tempatan yang berdasarkan sistem pewarisan wanita.”*¹³¹

Dalam kes *In re Timah binti Abdullah, Decd. The Official Administrator, FMS lwn. Magari Mohihiko & 3 Ors.* ¹³² mahkamah menyatakan “undang-undang Islam adalah sebahagian daripada undang-undang yang dikuatkuasakan di Pahang dan ia bukan undang-undang asing yang perlu dibuktikan oleh keterangan pakar tetapi ia merupakan undang-undang yang mesti diberi pengiktirafan kehakiman oleh mahkamah dan menjadi tugas mahkamah mengisytiharkannya.”¹³³

Dan terkini, dalam kes *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors. lwn. Fatimah bte Sihi & Ors* ¹³⁴ Hakim Haidar telah menggambarkan tentang status dan kedudukan Islam di Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dalam penghakiman yang mengharukan seperti di bawah:

“Pada pendapat saya ‘Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai’ bermakna Islam adalah agama utama di antara agama-agama lain yang dianuti di negara ini seperti Kristian, Buddha, Hindu dan selainnya. Islam bukan duduk berganding bahu atau berdiri sama tegak... Ia duduk di

¹²⁸ Dipetik dari Salleh Buang, 1996. *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan material* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 66.

¹²⁹ [1915] 1 FMSLR 204.

¹³⁰ Dipetik dari Salleh Buang, 1996. *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan material* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 76.

¹³¹ *Ibid.* hlm. 76.

¹³² [1941] 10 M.L.J 51.

¹³³ Dipetik dari Salleh Buang, 1996. *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan material* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 67.

¹³⁴ [2000] 5 M.L.J 375.

atas, ia berjalan dahulu, terletak ditempat medan dan suaranya lantang kedengaran. Islam ibarat pokok jati-tinggi, teguh dan terampil. Jika bukan sedemikian Islam bukanlah agama bagi Persekutuan tetapi adalah salah satu di antara beberapa agama yang dianuti dinegara ini dan setiap orang sama-sama bebas mengamalkan mana-mana agama yang dianutinya, tiada lebih satu dan yang lain.”

KESIMPULAN

Perbincangan di atas membuktikan kehadiran Islam di Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia bukan satu peristiwa yang mengambil masa sehari dua atau setahun dua. Tetapi ia adalah satu rekod sejarah yang amat panjang yang hampir mengambil masa kira-kira enam ratus tahun. Abdul Aziz Bari menyatakan “apa yang ada dalam Perlembagaan ini ialah hasil perubahan dan penyesuaian yang berlaku hampir 600 tahun yang lalu.”¹³⁵ Agama Islam telah melalui zaman turun naiknya, melalui rintangan dan halangannya, tetapi masih lagi kekal sebagai satu agama yang tidak dapat dipisahkan dari roh dan semangat orang Melayu.

Penerimaan orang Melayu terhadap Islam dizahirkan dengan mereka menjadikan undang-undang Islam sebagai Undang-undang negeri seperti mana Melaka sebelum diceroboh oleh Portugis, Negeri Perak, Negeri Pahang, Negeri Johor dan Negeri Kedah sebelum dijajah oleh penjajah Inggeris. Kita sudah mendengar berulang kali tentang wujudnya Hukum Kanun Melaka, Undang-undang 99 Negeri Perak, Undang-undang Dua Belas Perak, Undang-undang Pahang, Al-Ahkam Alahdaliyyat dan Tembera Datuk Paduka Tuan. Semua undang-undang ini berdasarkan hukum syara’ beserta adat Melayu. Jadi bagaimana kita dapat menerima hujah lapuk M.B Hooker yang mengatakan “Kunci kepada pemahaman sejarah undang-undang untuk orang Islam diNegeri-negeri Selat terletak pada dua perkara. Pertama, dengan menyedari bahawa Islam yang dihadapi oleh bangsa Inggeris adalah bercorak tempatan, tidak cendiakawan dan bukan dalam bentuk tulisan.”¹³⁶ Seterusnya bolehkah lagi kita menerima hujah Hooker yang mengatakan “Undang-undang yang terpakai pada orang Islam ialah ‘undang-undang diri’ iaitu dipakai atas dasar kepatuhan pada agama dan dalam hal-hal yang mempunyai aspek keagamaan.”¹³⁷

Perbincangan di atas membuktikan keputusan Jawatankuasa Reid memberi tempat dan status khusus kepada Islam berdasarkan apa yang telah dibincangkan sebelum ini adalah wajar dan tepat. Malahan penulis berpendapat Jawatankuasa Reid sepatutnya memasukkan satu perkara dalam Perlembagaan Persekutuan yang menegaskan undang-undang Islam sebagai undang-undang tertinggi di Persekutuan dan semua undang-undang yang berlawanan dengannya adalah terbatal.

Merengung kembali kemasyhuran dan kegemilangan Melaka di zamannya, penulis percaya ia adalah berkat dari pengiktirafan sewajarnya kepada agama Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam secara yang sepatutnya. Benarlah seperti kata Saiyidina Omar Al-Khattab Khalifah Islam yang kedua:¹³⁸

¹³⁵ Abdul Aziz Bari, Institusi Ketua Negara, Ketua Negeri dan Majlis Raja-raja dalam Ahmad Ibrahim et. al (eds.), 1999. *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 42.

¹³⁶ M.B Hooker, 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 98.

¹³⁷ *Ibid.*, hlm. 98.

¹³⁸ Hairuddin Megat Latif, “Status dan kedudukan Undang-undang Islam di Malaysia sehingga kini.” [1992] 2 C.L.J iii, hlm. x.

“Kita adalah satu umat yang mana akan ditimpa kehinaan kerana meninggalkan Islam dan akan mendapat kemuliaan kerana mengambil dan melaksanakan Islam.”

Kata-kata hikmat ini diulang semula oleh Prof. Dr. HAMKA seperti berikut:

“Umat Islam akan tetap dalam kemegahan dan keperibadian selama dia masih memegang teguh doktrin ini [Islam]. Kekuatan Islam bukanlah akan dicapai kerana meninggalkannya, melainkan dengan kembali kepadanya.”¹³⁹

Dan sangat benarlah ayat Al-Quran ini yang bermaksud:

“Pasti Allah akan memberi pertolongan kepada orang yang menolong (agama) Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.”¹⁴⁰

RUJUKAN

- Abdullah Alwi Hassan, 2000. “Pertumbuhan pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia” dlm Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari, 1999. “Institusi Ketua Negara, Ketua Negeri dan Majlis Raja-raja” dlm Ahmad Ibrahim et. al (ed.). *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, 1995. *Sastera Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 122.
- Abd. Jalil Borhan, 2002. *Al-Ahkam Al-Adliyyah*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Auni Haji Abdullah, 2000. “Kerajaan Melayu: Sendi Islam dalam pemerintahan tradisi” dlm. Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Constitutional proposal for the Federation of Malaya 1957.
- Darjat tidak datang bergolek (17 Disember 2004). *Utusan Malaysia*, hlm. 7.
- Dewan Masyarakat keluaran bulan Mac, April dan Mei 1989.
- Dr. Ibrahim Ismail (8 Mei 2005). Agama: Fahami situasi sebenar. *Mingguan Malaysia*, hlm. 9.
- Dr. Rais minta semua bersikap terbuka (25 Februari 2005). *Berita Harian*, hlm. 12.
- Hairuddin Megat Latif, “Status dan kedudukan Undang-undang Islam di Malaysia sehingga kini.” [1992] 2 C.L.J iii.
- Hamid Jusoh, 1990. Pemakaian Undang-undang Islam kini dan masa depannya di Malaysia. Al-Ahkam, Jilid 1, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- HAMKA, 1981. Doktrin Islam: Iman menimbulkan keberanian. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Melayu Baru, hlm. 23.
- Harding, A. J., “Islam and Public Law in Malaysia: Some reflections in aftermath of Susie Teoh’s case [1991] 1 M.L.J xci, hlm. xciii.

¹³⁹ HAMKA (1981). Doktrin Islam: Iman menimbulkan keberanian. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Melayu Baru, hlm. 23.

¹⁴⁰ Al Qur’an: Surah al-Hajj, ayat 40.

- Hashim Yeop A. Sani, 1980. *Our Constitution*. Kuala Lumpur: The Law Publishers (M) Sdn. Bhd.
- Hooker, M. B., 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Terj). Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M. B., 1986. *The Oriental Text: With special reference to the Undang-undang Melaka and Malay Law, Malaysian Legal Essays, A collection of essays in honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Hooker, M. B., 1972. *Adat Laws in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hooker, M. B., 1978. *A Concise Legal History of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kamal Halili Hassan. “The Shariah Court and Article 121(1A) of the Federal Constitution”. *Jurnal Perundangan*, Jilid 1, bil. 1. ABIM.
- Kembali memahami sejarah (28 Ogos 2005). *Mingguan Malaysia*, hlm. 7.
- Kes Natrah cetus erti perjuangan agama, bangsa (26 Februari 2003). *Berita Harian*, hlm. 17.
- Lagu orang Melayu mengislamkan Najib (10 Disember 2004). *Utusan Malaysia*, hlm. 9.
- Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- M. Suffian Hashim, “The relationship between Islam and the state in Malaya”, Intisari Shirle Gordon(eds.). Singapore Malayan Sociological research Institute Ltd., Jilid 1, no. 1 hlm. 8, dipetik dari Al-Ahkam, 1990, Jilid 1.
- Majlis Mufti tolak IRC (1 April 2005). *Berita Harian*, hlm. 3.
- Mohamad Abu Bakar, 2000. “Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia”, dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman(eds.), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Abbas (Tun Hj.), 1986. “Traditional Elements of the Constitution” dlm. F.A. Trindade & H.P. Lee(eds.), *The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Developments, Essays in Honour of Tun Mohamed Suffian*. Singapore: Oxford University Press.
- Mohd Taib Osman dan A.Aziz Deraman, 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Monthon Saiburi, Administration Report of the State of Kedah, September 1906 to February 1908, Penang, printed by the Pinang gazette press, limited, 1909, hlm. 7.
- Nuarrual Hilal Md. Dahlan, Hairuddin Megat Latif, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Azam Hussain dan Yuhanif Yusof, 2005. Perundangan Negeri Kedah pada zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943). Penyelidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang, Universiti Utara Malaysia.
- Othman Hj. Ishak, 1981. Fatwa Dalam Perundangan Islam, dipetik dari F.A Trindade & H.P. Lee. *The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Developments, Essays in Honour of Tun Mohamed Suffian*. Singapore: Oxford University Press.
- Perbezaan undang-undang, peradaban penghalang cinta (26 Februari 2003). *Berita Harian*, hlm. 17.
- Perkahwinan berlainan agama tidak dibolehkan (17 Disember 2004). *Utusan Malaysia*, hlm. 3.
- Produk halal: Prihatin sensitiviti umat Islam (18 Mac 2005). *Utusan Malaysia*, hlm. 10.
- Sensitiviti umat Islam mesti dijaga: TPM (26 Februari 2005). *Berita Harian*, hlm. 4.
- 1,600 pantau logo halal (18 Mac 2005). *Berita Harian*, hlm. 17.
- Suruhanjaya Antara Agama bercanggah dengan agama (25 Februari 2005). *Berita Harian*, hlm. 8.
- Tidak boleh kahwin lelaki musyrik hingga mereka beriman(6 Mac 2005). *Berita Minggu*, hlm. 6.
- Tugas penguat kuasa kembalikan keyakinan pengguna(19 Mac 2005). *Utusan Malaysia*, hlm. 6.
- Yahya Abu Bakar, “Kemasukan Islam ke Melaka dan penyebarannya”, *Journal Sejarah Melaka*, Bil. 7, 1982.
- Zainul Rijal Abu Bakar (6 Februari 2006). Mahkamah Syariah tidak tergugat. *Berita Harian*, hlm. 8.
- Zainuddin Maidin (2004). *Wira tak didendang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.